



05

SIRI

Bagaimanakah seseorang bermula?

“Jadi, bagaimanakah saya hendak memulakan berdagang niaga hadapan?”

Langkah **1** Memahami dan memilih produk



Mengenal apa yang anda dagangkan ialah satu langkah penting dalam memulakan dagangan niaga hadapan. Baca sebanyak mungkin atau dapatkan nasihat daripada para profesional dalam perniagaan ini. Dengan pengetahuan yang betul, anda kini perlu memutuskan pelan perdagangan, apa yang hendak didagangkan dan gaya atau cara dagangan yang bersesuaian dengan keperluan pelaburan anda.

Langkah **2** Banyak manakah dana yang harus anda peruntukkan



Juga dinasihatkan untuk memikirkan berapa banyak jumlah dana yang boleh anda peruntukkan untuk akaun dagangan niaga hadapan anda. Ini ditentukan melalui banyak mana modal berisiko yang sanggup anda keluarkan. Dagangan niaga hadapan melibatkan risiko dan anda dinasihatkan hanya berdagang dengan modal berisiko yang mampu ditanggung anda.

Langkah **3** Buka akaun dagangan niaga hadapan



Langkah berikutnya adalah dengan membuka akaun dagangan niaga hadapan dengan broker niaga hadapan berlesen. RHB Investment Bank (RHBIB) sebagai contohnya menawarkan perkhidmatan seumpamanya kepada anda. RHBIB dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai salah satu Broker Niaga Hadapan di bawah Akta Industri Niaga Hadapan 1993 dan merupakan salah satu Peserta Dagangan dalam Bursa Malaysia Derivatives Berhad dan salah satu Peserta Penjelasan dalam Bursa Malaysia Derivatives Clearing Berhad.

Langkah 4 Memutuskan jumlah keperluan margin anda



Setelah akaun dagangan niaga hadapan anda dibuka, anda perlu menyediakan keperluan margin dengan broker niaga hadapan anda. Margin ialah sejumlah wang yang anda perlu depositkan untuk memegang kontrak niaga hadapan.

Semua kontrak niaga hadapan didagangkan atas margin, iaitu deposit tulus untuk menutup sebarang kemungkinan kerugian sekiranya berlaku kerana pergerakan pasaran. Ini bermaksud apabila anda mengalami pulangan negatif atas kedudukan niaga hadapan anda, anda mungkin perlu memasukkan dana untuk melaraskan semula margin anda dan membawa kembali kepada nilai keperluan penyelenggaraan asal.

Contoh:

Sebagai contoh, katakan margin untuk kontrak niaga hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (FKLI) adalah RM4000. Sekiranya KLCI jatuh dan baki anda jatuh kurang daripada RM4000, anda perlu menambah dana untuk mengekalkan keperluan margin (RM4000) sekiranya akaun anda tidak mempunyai margin yang cukup.

Setiap kontrak mempunyai keperluan margin awal yang berbeza dan ianya ditentukan oleh bursa niaga hadapan (Bursa Malaysia Derivatives). Margin ini ditentukan berdasarkan risiko dan ketidakpastian nilai instrumen. Sebagai contoh, sekiranya pergerakan pasaran niaga hadapan itu agresif, kadar margin boleh jadi lebih tinggi untuk diselaraskan mengikut risiko yang dibawa oleh volatiliti atau ketidakpastian pasaran.

Langkah 5 Bekerja bersama broker anda untuk memahami pasaran dengan lebih baik



Bekerjasama dengan broker untuk menentukan keperluan anda dan apakah keperluan sokongan yang anda perlukan seperti penyelidikan, idea dagangan, kemas kini berita dan platform dagangan. RHBIB menyediakan pasukan berpengalaman Wakil Broker Niaga

Hadapan dan Pemegang Lesen Dual yang boleh memenuhi keperluan berdasarkan kesesuaian anda kepada produk niaga hadapan tertentu. Mereka dilatih secara profesional dan mempunyai pefahaman yang mendalam tentang pasaran niaga

hadapan. Pengalaman dan pengetahuan mereka tentu mampu untuk membantu memperbaiki prestasi portfolio anda.

AKHIR



Dagangan niaga hadapan telah mendapat minat global sejak pasaran global menjadi lebih meruap akibat ketidakpastian geopolitik dan juga ekonomi. Anda mungkin mencari suatu instrumen kewangan sebagai satu cara untuk melindungi nilai atau mungkin untuk dijadikan sebagai pelaburan alternatif bagi mengambil keuntungan dari ketidakpastian pasaran. Apapun jua, dengan bantuan daripada broker berpengalaman atau mentor yang baik, dagangan niaga hadapan boleh menjadi lubang keuntungan bagi sesiapa yang mengetahuinya.

Artikel ini ditulis oleh RHB Investment Bank Berhad dan adalah untuk tujuan maklumat umum sahaja. Maklumat yang terkandung tidak membentuk nasihat undang-undang, kewangan, perdagangan dan/atau pelaburan dan ia juga tidak membuat sebarang perakuan atau endosmen berkenaan dengan perkhidmatan yang disebutkan di dalam ini. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat bebas sebelum berdagang, membuat penyenaian dan/atau melabur. Walaupun langkah berjaga-jaga telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam artikel ini, RHB Investment Bank Berhad dan/atau Bursa Malaysia Berhad tidak menjamin atau memastikan, sama ada secara nyata atau tersirat, akan ketepatan atau lengkapnya maklumat di dalam ini dan tidak sekalipun Bursa Malaysia Berhad dan/atau RHB Investment Bank Berhad bertanggungjawab kepada pembaca atau kepada sesiapa jua untuk apa-apa tuntutan, walau apa cara jua pun yang timbul daripada atau berhubung dengan artikel ini. Segala undang-undang, pengawalturan dan peraturan semasa Bursa Malaysia Berhad yang terpakai hendaklah dirujuk dalam hubungannya dengan artikel ini.